

15/10/1997

Bomba enggan bersih longkang

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Kesatuan Pekerja-Pekerja Bomba Malaysia menentang keputusan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya anggota bomba membantu pihak berkuasa tempatan membersihkan longkang dan parit.

Kesatuan itu menyifatkan cadangan berkenaan sebagai mengembalikan tugas bomba yang pernah dilakukan pada zaman penjajah, sekali gus tidak sesuai lagi dengan tugas jabatan itu pada masa kini.

Penolong Setiausaha Agungnya, Yosri M Tahir, berkata pihaknya memandang serius keputusan berkenaan dan menolaknya kerana ia sudah ketinggalan zaman.

Pada masa ini, katanya, kira-kira 7,500 anggota bomba seluruh negara memikul tugas yang sepatutnya dilakukan 15,000 anggota bomba dan jika kerja membersihkan longkang serta parit dilakukan, ia semakin membebankan mereka.

Selain itu, menurutnya, pasukan bomba yang ingin mencapai taraf dunia tidak wajar melakukan tugas berkenaan, sebaliknya memberi tumpuan kepada masalah yang lebih besar seperti kebakaran bahan kimia dan bangunan tinggi.

"Kesatuan beranggapan keputusan itu menjatuhkan imej jabatan serta boleh menjejaskan keunggulan serta profesionalisme anggota bomba," katanya yang datang ke pejabat Berita Harian, di sini hari ini.

Jumaat lalu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata kementerianya bersetuju tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat diperluaskan dengan memasukkan usaha membantu pihak berkuasa tempatan membersihkan longkang dan parit.

Cadangan itu dikemukakan dalam mesyuarat Menteri Besar/Ketua Menteri yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Khamis lalu. Bagaimanapun, Dr Ting berkata, keputusan itu tidak akan menjejaskan tugas anggota bomba.

Yosri berkata, keputusan itu juga bertentangan dengan tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia seperti yang termaktub dalam Seksyen 5 Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Mengikut akta itu, tugas jabatan ialah mengambil langkah bagi memadam, menentang, mencegah dan mengawal kebakaran; melindungi nyawa dan harta, menentukan jalan keluar, menyelenggara dan mengawasinya apabila berlaku kebakaran; menjalankan penyiasatan serta melaksanakan perkhidmatan kemanusiaan.

"Sekiranya anggota bomba dibebankan dengan tugas lain, kemungkinan beban tugas yang sedia ada terjejas kerana kekurangan anggota," katanya.

Menurutnya, tugas membersihkan longkang dan parit adalah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan dan dibantu pasukan sukarela, bukannya diserahkan kepada pasukan bomba.

(END)